

29/03/2004

Syiar Islam terus subur di bawah pentadbiran BN

Shaarani Ismail

KEMENANGAN calon dengan latar belakang pendidikan agama pada pilihan raya umum yang baru berakhir serta pelantikan mereka menjawat jawatan Menteri dan Setiausaha Parlimen, jelas menunjukkan golongan berkenaan tidak dipinggirkan dalam kepemimpinan baru Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Ini adalah bukti jelas mereka boleh dan mampu memberi sumbangan yang tidak kurang pentingnya dalam turut sama membantu membangunkan negara.

"Ia juga jelas menunjukkan kesungguhan kerajaan mengiktiraf tokoh agama dalam usaha memartabat serta memperelok institusi agama sedia ada," kata Dr Amran Kasimin, seorang daripada tokoh agama yang diketengahkan Barisan Nasional.

Dr Amran bertanding bagi merebut kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Bangi dan berjaya menewaskan calon Pas, Dr Shafie Abu Bakar dengan majoriti 3,708 undi.

Perkara itu juga jelas menunjukkan parti Melayu Umno dan Barisan Nasional (BN) amnya bukanlah seperti yang didakwa pembangkang kekurangan tokoh agama sebaliknya ia masih bertaring dan mampu bersaing.

Justeru, penonjolan mereka sekali gus membuktikan bahawa Umno-BN adalah parti pembela bangsa dan agama kerana pembabitan mereka secara langsung dalam mentadbir negara serba sedikit diharapkan dapat membawa perubahan terutama dari segi memperkukuhkan institusi pendidikan dan agama.

Kehadiran tokoh agama yang dipilih mewakili Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya kali ini membuktikan kerajaan begitu serius untuk menggandingkan pemimpin pelbagai golongan bagi memajukan Malaysia menjadi sebuah negara yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

Jika selama ini Malaysia dianggap sebagai negara Islam contoh, adalah diharapkan kepemimpinan baru terutama yang muncul sebagai Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) dapat memberi sumbangan berguna kepada negara.

Antara tokoh tokoh agama muka baru di kalangan calon BN yang memenangi pilihan raya pada kali ini ialah Kapten (B) Najmudin Elias (DUN Batu Kurau), Idris Kassim (DUN Ayer Limau), Prof Dr Abdullah Md Zin (Parlimen Besut) Dr Mashitah Ibrahim (Parlimen Baling) selain Dr Amran di DUN Bangi.

Selain mereka, ramai lagi pegawai agama, bekas kadi dan pendakwah yang diketengahkan di peringkat negeri dalam usaha mengimbangkan antara ulama dan umara (pemimpin).

Sebelum ini juga, tokoh berpendidikan Islam seakan dilihat milik sebuah parti pembangkang terutama Pas saja, tetapi pada kali ini dengan penyertaan ramai tokoh berpendidikan Islam dalam BN, membuktikan ramai yang bersetuju dengan dasar kerajaan terutama visi negara Islam contoh yang diketengahkan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Pada masa sama, apabila ramai tokoh berpendidikan Islam condong kepada BN, ada pihak yang kelihatan gelabah dan merasakan kedudukan diri dan parti mereka sedikit terancam.

Pas baru-baru ini ketika kempen pilihan raya berlangsung mendakwa golongan agama yang diletakkan calon BN hanya sebagai memperalatkan golongan berkenaan.

Bagaimanapun, dakwaan itu disangkal oleh calon yang bertanding kerana asas pencalonan mereka sebenarnya disebabkan rasa percaya pucuk pimpinan dan keyakinan bahawa golongan agama tidak dipinggirkan dalam memimpin negara.

Bekas Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Hamid Zainal Abidin berkata, pembangkang mempertikaikan BN meletakkan tokoh agama sebagai calon kerana iri hati dengan apa yang cuba dibawa BN.

"Pembangunan yang dilaksanakan BN adalah untuk pembangunan Islam yang meliputi pelbagai aspek, termasuk pendidikan, perindustrian dan semuanya untuk kemajuan umat.

"Ini jelas. Pembabitan tokoh agama yang diketengahkan membuktikan kerajaan serius dan mengambil kira fungsi golongan agama dalam masyarakat," katanya.

Jadi sewajarnya tokoh agama diberikan pengiktirafan sebagaimana yang pernah berlaku sekitar 1973 hingga 1978 di mana ramai di kalangan mereka memegang portfolio penting dalam kerajaan.

Ketika era pemerintahan Perdana Menteri kedua, Tun Abdul Razak, beliau juga mengiktiraf golongan ulama dalam kerajaan dengan melantik Tan Sri Asri Muda yang juga bekas Yang Dipertua Pas, sebagai Menteri Tanah dan Galian serta Tugas Khas dan beberapa lagi tokoh agama yang seangkatan dengan beliau.

Datuk Seri Abdul Hamid, Tan Sri Abdul Hamid Othman, Tan Sri Yusuf Nor dan Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad, sekadar menyebut beberapa nama sudah membuktikan bahawa golongan pendidikan agama juga berkebolehan dalam mentadbir kerajaan.

Ketika Tun Dr Mahathir Mohamad menjadi Perdana Menteri beliau juga mengiktiraf peranan besar yang dimainkan golongan itu. Antaranya, Tan Sri Abdul Hamid Otman sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang menjaga hal ehwal berkaitan agama Islam.

Beliau kemudiannya ditukarkan ke jawatan penasihat agama kepada Perdana Menteri selepas tewas pada Pilihan Raya Umum 1999.

Pengiktirafan terus diberikan kepada Datuk Seri Abdul Hamid Zainal Abidin yang sebelum itu menyandang jawatan sebagai Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim).

"Kemenangan tokoh agama yang mewakili Barisan Nasional (BN) pada Pilihan Raya Umum Ke-11 ini, juga memberi mesej jelas bahawa rakyat menyokong perjuangan BN memartabatkan Islam Hadhari", kata Prof Datuk Dr Abdullah Md Zin yang memenangi Parlimen Besut menentang calon Pas, yang juga Setiausaha Agung parti itu, Nasharuddin Mat Isa.

Beliau dilantik Menteri di Jabatan Perdana Menteri, kelmarin berikrar akan menjalankan amanah dan tanggungjawab yang diberikan melalui pendekatan Islam Hadhari sebagaimana yang dilaungkan.

Dengan kemenangan hampir kesemua calon berpendidikan agama yang diletakkan BN pada pilihan raya yang baru berlalu, peranan mereka diharap akan lebih diiktiraf untuk terus menyuburkan syiar Islam dalam pentadbiran negara.

Peranan mereka diharapkan tidak hanya tertumpu kepada hal yang berkaitan ehwal agama tetapi juga diberi peluang meneraju bidang yang lain sebagaimana kepercayaan yang diberikan kepada calon BN dari golongan profesional yang lain.

Sebenarnya apabila dikaitkan tokoh pendidikan Islam dengan parti politik, pada peringkat awal, banyak yang condong kepada Pas. Bagaimanapun kini, ramai yang memilih dan menyokong parti yang memerintah kerana mereka percaya melalui penyertaan dalam kerajaan, dapat memberi sumbangan berguna kepada negara.

Pendakwah dan penceramah bebas, Kapten (B) Najmuddin Elias berkata, penyertaan tokoh agama dan ulama selaras lunas demokrasi di negara ini.

Justeru, katanya, setiap pengundi berhak memilih calon yang difikirkan layak dan terbaik untuk mewakili mereka, termasuk kalangan tokoh agama.

"Kebebasan memilih dan mengundi adalah bertepatan demokrasi dianjurkan Islam," katanya.

Kemenangan yang diterima BN dengan meletakkan calon yang mempunyai ketokohan jelas memperlihatkan kematangan pengundi dalam menilai siapa yang lebih mampu mentadbir kerajaan dengan lebih berkesan.